

05 JUL 2003

JAMALUDIN-ASEM/I

MALAYSIA SARAN NEGARA MAJU LEBIH BERPERANAN BAGI RANGSANG PERTUMBUHAN

Oleh: Openg Onn

NUSA DUA, Bali, 5 Julai (Bernama) -- Malaysia menggesa ekonomi negara-negara maju supaya memainkan peranan yang lebih ketara dalam merangsang masa depan pertumbuhan mereka serta memperkukuh pemulihan ekonomi global.

Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr Jamaludin Jarjis, semasa membuat saranan berkenaan menegaskan bahawa dalam usaha menggalakkan masa depan pertumbuhan mereka, Eropah dan Jepun akan dapat membantu meringankan beberapa ketidak seimbangan ekonomi dunia.

"Ketidak seimbangan ekonomi global telah menjadi lebih nyata dengan defisit berkembar di Amerika Syarikat," kata beliau kepada pemberita Malaysia di sini semasa acara sampingan Mesyuarat Menteri-menteri Kewangan (FMM) Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM) kelima di sini.

Mesyuarat dua hari itu dirasmikan pembukaannya oleh Presiden Megawati Sukarnoputri pagi ini. Beliau diwakili oleh Ketua Menteri Ekonomi Dorodjatun Kuntjoro-Djakti.

Jamaludin berkata beliau juga membangkitkan usaha-usaha Asia dalam mengambil langkah untuk merangsang sumber dalam negara bagi pertumbuhan dan keperluan bagi negara-negara membangun mempunyai kemasukan ke pasaran negara maju.

Dalam hal ini, beliau menyeru negara maju supaya memberikan komitmen mereka untuk membuka pasaran di bawah Agenda Pembangunan Doha, terutamanya dalam bidang yang penting kepada negara membangun seperti pertanian.

Bagi pembiayaan, beliau menegaskan kepentingan negara-negara maju dalam memenuhi Bantuan Pembangunan Rasmi (ODA) mereka bagi menyokong usaha-usaha dunia memenuhi matlamat utama Sasaran Pembangunan Milenium, yang dirangka bagi mengurangkan kemiskinan.

Semasa mesyuarat berkenaan, beliau juga memaklumkan rakan sejawatannya di Asia dan Eropah mengenai prestasi ekonomi Malaysia baru-baru ini.

Beliau berkata dengan pertumbuhan ekonomi sebanyak 4.0 peratus pada 2002, Malaysia meneruskan daya tahannya yang dapat dilihat dengan pertumbuhan positif sebanyak 4.1 peratus yang dicatatkan pada suku pertama tahun ini.

Dengan pengenalan pakej ekonomi RM7.3 bilion yang mengandungi 90 langkah-langkah oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kebimbangan terhadap wabak Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS) yang semakin reda di rantau ini, Malaysia dijangka mencatatkan pertumbuhan prestasi yang lebih baik pada separuh kedua tahun ini.

Permintaan dalam negeri akan diransang oleh pengembangan dasar fiskal dan monetari yang akan mengekalkan prospek pertumbuhan dorongan domestik Malaysia.

Beliau berkata sejak diumumkan pada Mei lalu, pakej rangsangan itu mendapat sambutan baik daripada pasaran dan juga reaksi positif daripada agensi penafaran antarabangsa.

Pasaran modal juga menunjukkan aliran meningkat dengan Indeks Komposit Kuala Lumpur (BSKL) melepasi paras 700 mata, katanya.

Seramai 177 menteri kewangan atau timbalan menteri kewangan dari 25 negara di dua benua dan badan antarabangsa termasuk pasukan petugas has ASEM menghadiri mesyuarat itu yang memberi tumpuan kepada kemiskinan sebagai agendanya.

Forum dialog itu membincangkan pelbagai pilihan untuk meningkatkan usaha membasmi kemiskinan di bawah tema Matlamat Pembangunan Milenium dan

juga cara-cara untuk mengukuhkan hubungan ekonomi antara kedua-dua benua, memajukan perbadanan kewangan antara rantau, memerangi keganasan dan amalan pembersihan wang haram.

Jamaludin tiba di pula peranginan ini semalam dan mengadakan beberapa siri rundingan dua hala dengan rakan sejawatannya dari Austria, Ireland, China, Indonesia dan Thailand.

Di mesyuarat itu beliau juga menggalakkan rakan sejawatan Eropahnya untuk terus meningkatkan pelaburan mereka dan mengeratkan hubungan perdagangan dengan Malaysia kerana kerajaan telah meliberalisasikan sekatan ke atas pelaburan.

Kepada rakan sejawatan Asianya, beliau mengulangi keperluan bagi negara-negara Asia untuk mempercepatkan kerjasama kewangan dan ekonomi serantau dengan cara yang lebih padu.

"Ketika perdagangan dengan pasaran maju terus penting, perdagangan antara serantau juga memainkan peranan penting dalam bertindak sebagai penampan terhadap pertumbuhan ekonomi perlahan dalam pasaran maju tradisional," katanya.

Sepatutnya terdapat ruang yang lebih besar bagi ekonomi-ekonomi Asia untuk mempelbagaikan sumber pertumbuhan serantau kerana bahagian eksport antara serantau ketika ini berjumlah 34 peratus, katanya.

Esok, Jamaludin akan menyuarakan pandangan Malaysia mengenai "Memerangi Pembiayaan Keganasan dan Pembersihan Wang Haram" dalam sesi IV mesyuarat.

Sidang kemuncak pertama ASEM diadakan di Thailand pada 1996. -- BERNAMA
OPP MR NHD/ZK